

11/10/2001

PM lancar pesawat peninjau buatan tempatan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

LANGKAWI, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pesawat peninjau tanpa juruterbang buatan Malaysia, Eagle ARV System di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC) di sini, sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '01).

Pesawat yang dibangunkan Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) dan rakan niaganya, BAE Systems dan Excelnet Sdn Bhd juga melakukan penerbangan pertama dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Selepas berlegar kira-kira 10 minit, pesawat dua tempat duduk itu mendarat dan menerima tepukan gemuruh pengunjung.

Selain Dr Mahathir, turut hadir, Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Ketua Eksekutif CTRM, Tan Sri Dr Chen Lip Keong; dan Pengarah Urusan BAE group, Sir Charles Masefield.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, idea memiliki pesawat buatan sendiri seperti sukar dicapai apabila ia dicadangkan Masefield.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ia satu idea yang baik dan beliau memohon kepada kerajaan untuk membiayai penyelidikan dan pembangunan projek berkenaan.

"Ia sebuah pesawat yang unik dalam erti kata ia boleh diterbangkan oleh seorang juruterbang dan tanpa juruterbang.

"Pada masa depan, kita mungkin boleh melihat lebih banyak pesawat tanpa juruterbang," katanya sambil menambah, peperangan di udara mungkin membabitkan pesawat tanpa juruterbang.

Katanya, jika ini berlaku, pesawat yang ditembak jatuh tidak akan membunuh sesiapa.

Menggunakan bahan komposit, Eagle ARV mampu terbang setinggi 16,000 kaki selain berada di udara selama 10 jam.

Projek yang membabitkan kos RM47 juta itu dimeterai antara CTRM dan Kementerian Pertahanan pada 8 Jun lalu.

Penghantaran pertama Eagle ARV kepada kerajaan Malaysia dijangka dibuat awal tahun depan.

(END)